

“Kita tahu siapa dalangi tunjuk/
perasaan bantah kutipan tol”

PM ingatkan penduduk Cheras jangan diperalat

DATO' SRI
DR. MAHATHIR

UM 11 SEP 1990

KUALA LUMPUR 9 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir hari ini mengingatkan penduduk Cheras jangan membiarkan diri mereka diperalat oleh ahli politik tertentu yang menggunakan sentimen perkauman untuk kepentingan politik mereka.

Perdana Menteri berkata, kerajaan telah mengenalpasti siapa sebenarnya mendalangi peristiwa tunjuk perasaan membantah kutipan tol di Kilometer 8 Jalan Cheras Sabtu lalu.

Serentak dengan itu, beliau memberi amaran akan mengambil tindakan tegas terhadap ahli-ahli politik terbabif yang menimbulkan isu perkauman dalam peristiwa tersebut.

“Saya amat dukacita kerana ada tuduhan kononnya ini (Cheras) kawasan orang Cina, maka kerajaan sengaja hendak mengenakan tol, kita tahu siapa yang mendalangi peristiwa itu.

“Sudah ada cara-cara hendak menggunakan perkauman untuk kepentingan politik mereka. Ini amat bahaya,” kata beliau kepada para pemberita di bangunan Parliien pagi ini.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sentiasa berusaha merapatkan

hubungan antara kaum di negara ini, malangnya ada segelintir ahli politik yang sengaja mengambil kesempatan memecahbelahkan rakyat.

Mengulas mengenai penahanan dua ahli DAP iaitu Ahli Parlimen Sungai Besi, Encik Tan Kok Wai dan Encik Lim Kim Teo berhubung peristiwa tunjuk perasaan itu Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, perkara itu adalah atas tanggungjawab polis.

Katanya, pihak polis tidak mengambil kira siapa sama ada ahli Parlimen atau pun menteri dalam menahan seseorang yang melakukan kesalahan itu.

Malam Sabtu lalu, kira-kira 1,000 orang penduduk Cheras menunjukkan perasaan membantah bayaran tol. Tunjuk perasaan itu kemudiannya bertukar menjadi rusuhan apabila mereka membaling batu dan botol ke arah kenderaan yang melintasi plaza tol itu.

Perdana Menteri mengulangi ingatannya kepada penduduk Cheras supaya mengemukakan tuntutan melalui saluran yang betul, bukan bertindak sesuka hati.

“Kalau guna saluran yang betul tanpa tunjuk perasaan, tidak membenarkan diri mereka diperalat oleh ahli-ahli politik, kita boleh cari jalan.

“Saya tidak memberi jaminan apa-apa. Kita boleh cari jalan bagaimana untuk menolong. Tapi kalau nak ugut kerajaan macam ini, kitaitiak akan terima,” tegas beliau.

Ura-ura

Mengenai ura-ura bahawa Parti Semangat 46 akan menunjukkan perasaan di Plaza Tol Jalan Pahang, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau tidak dapat menghalang mereka daripada berbuat demikian.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, ini menunjukkan betapa kalau mereka mendapat kuasa, mereka akan menggunakan cara yang tidak aman untuk menuntut sesuatu.

Sudah tentu, cara itu tidak akan memberi apa-apa kebaikan. Malaysia adalah sebuah negara yang aman, oleh itu rakyat patut bersyukur dan berterima kasih.

Nampaknya golongan ini tidak seronok dengan keamanan, kata beliau.